

06/08/2005

TUN DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH JUBLI EMAS MSA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima Anugerah Jubli Emas Sains dan Teknologi Persatuan Saintifik Malaysia (MSA) kerana kepimpinan beliau yang berwawasan dalam memajukan sains dan teknologi.

Beliau menerima anugerah itu daripada Presiden MSA Datuk Dr Soon Ting Kueh pada satu majlis di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dalam catatan pencapaian Dr Mahathir dalam bidang sains dan teknologi, pengerusi jawatankuasa anugerah Prof Datuk Dr Khairul Annuar Abdullah berkata Dr Mahathir memberi sumbangan yang amat besar kepada negara sepanjang dua dekad beliau memimpin Malaysia.

Katanya antara sumbangan besar Dr Mahathir dalam bidang itu dapat dilihat melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC), Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya, Lapangan terbang Antarabangsa KL yang mempunyai ciri-ciri futuristik, Litar Formula 1 Sepang yang bertaraf dunia, Stadium Bukit Jalil yang bertaraf Olimpik dan Menara Kembar Petronas.

Dalam ucapan penerimaan anugerah itu, Dr Mahathir berkata penyelidikan dalam bidang sains terbukti memainkan peranan besar bagi pembangunan Malaysia.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr Mahathir berkata beliau menghargai pemberian anugerah itu dan menegaskan bahawa mempelajari sains dengan menggunakan bahasa Inggeris bukan bererti seseorang itu kurang menghormati bahasa kebangsaan.

"Ilmu berkembang dengan amat pesat. Jika seseorang itu menunggu hasil terjemahan, dia akan ketinggalan," katanya.

-- BERNAMA

TSY JM SP ROS